



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29 – CONTRACT FOR SERVICE (CFS)**
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : **RM 2,309.00 (sebulan)**
3. Syarat Lantikan Wajib :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (d) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (e) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (f) Diploma dalam kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (g) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Syarat Tambahan :

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai kemahiran dalam pembangunan, pembetulan ralat dan selenggaraan sistem dalam talian melibatkan pengaturcaraan HTML, PHP, JAVA, JavaScript, pangkalan data MySQL, Microsoft SQL, UI/UX Design (CSS) dan Mobile Application Development. Calon-calon dikehendaki untuk membawa contoh-contoh sistem aplikasi yang telah dibangunkan dan menjalani ujian pengaturcaraan semasa sesi temuduga.
5. Kemudahan : Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti berikut:
 - (a) Elaun Perjalanan Kenderaan;
 - (b) Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing;
 - (c) Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam;
 - (d) Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih);
 - (e) Caruman KWSP dan PERKESO
6. Taraf Jawatan : **CONTRACT FOR SERVICE (CFS)**



7. **Fungsi Bidang Tugas** : Bertanggungjawab membangun program baru untuk sesuatu sistem guna komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.
8. **Cara Memohon** : (i) Permohonan hendaklah menghantar dokumen – dokumen dibawah ke alamat e-mel jobvacancy@mda.gov.my dan nyatakan tajuk/subjek e-mel "PERMOHONAN JAWATAN (*nama jawatan dan gred*)".
- Resume Calon (berserta gambar berukuran passport)
 - Kad Pengenalan;
 - Sijil Kelahiran;
 - Sijil Tamat Persekolahan;
 - Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - Salinan Diploma/Ijazah berserta transkrip (sekiranya berkaitan);
 - Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
 - Lain-lain dokumen sokongan.
- (ii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan surat pengesahan jawatan yang terkini.
- (iii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iv) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
9. **Tarikh Tutup Permohonan** : **18 Ogos 2020 (Selasa) jam 5.00 petang**

AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 4 Ogos 2020

